



MENU

≡

Lay Hong sumbang 10 sen kepada Tabung Harapan bagi setiap paket NUTRIPLUS dijual

Tarikh kemaskini: 01/06/2018



KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) – Lay Hong Bhd akan menyumbang 10 sen daripada jualan setiap paket telur NUTRIPLUS kepada Tabung Harapan Malaysia (THM), kempen derma secara sukarela untuk membantu mengurangkan hutang negara.

Dalam kenyataan, syarikat itu optimis kempen selama sebulan itu, yang bermula hari ini, akan menggalakkan lebih banyak syarikat korporat menyokong inisiatif kerajaan baharu dalam mewujudkan masa depan yang lebih baik untuk negara.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Yap Chor How berkata menjadi tugas dan kewajipan mereka untuk menyumbang dengan tanggungjawab secara fiskal bagi membantu kerajaan menangani masalah hutangnya.

– BERNAMA .

.....